

Husni Ketua Delegasi ke Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat di Kazakhstan
Bernama
1 Mei, 2014

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Menteri Kewangan II Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat Asean (AFMGM+3) Ke-17 serta Mesyuarat Tahunan Bank Pembangunan Asia (ADB) Ke-47 pada 2-5 Mei di Astana, Kazakhstan.

AFMGM+3 Ke-17 akan membincangkan mengenai kemajuan kerjasama ekonomi serantau serta bertukar-tukar pandangan mengenai prospek dan cabaran ekonomi global dan serantau.

Selain itu ia juga akan membincangkan mengenai beberapa inisiatif termasuk struktur Pejabat Penyelidikan Makroekonomi ASEAN+3 (AMRO), Inisiatif Pelbagai Hala Chiang Mai (CMIM) dan Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI).

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan, Ahmad Husni akan juga menyertai Majlis Makan Malam Bank Pelaburan Prasarana Asia (AIIB) yang dianjurkan oleh China.

Mesyuarat ADB pula akan menyediakan peluang kepada beliau untuk bertukar-tangan pandangan mengenai projek yang dibiayai bank tersebut, program pembangunan kapasiti serta isu-isu semasa yang akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

Ahmad Husni juga akan bertemu dengan Presiden ADB yang baru dilantik Takehiko Nakao bagi menyampaikan pandangan Malaysia bahawa pengalaman dan pengetahuan luas Nakao dalam isu-isu pembangunan akan memainkan peranan penting dalam mengukuhkan peranan ADB dan membantu bank itu mencapai objektifnya.

Selain itu beliau juga akan bertemu Atsushi Yoshikawa, President merangkap COO Kumpulan Nomura Holdings Inc serta rakan sejawatnya dari negara Asia lain termasuk ekonomi ahli ASEAN+3 bagi membincangkan langkah-langkah mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dan pelbagai hala di rantau ini.

Penyertaan Malaysia dalam kedua-dua mesyuarat itu penting bagi mengukuhkan komitmen negara dalam memastikan ekonomi dan kestabilan kewangan rantau ini

diberikan keutamaan.

"Pembabitan Malaysia dalam mesyuarat-mesyuarat itu akan melindungi kepentingan kita dalam forum serantau. Malaysia dan Jepun akan mempengerusikan bersama Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat Asean Ke-18 di Baku, Azerbaijan pada 2015," menurut kementerian itu lagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035057>